

# Dera: Majikan mesti bayar pampasan

Oleh Azmi Md Deros, Jalal Ali Abdul Rahim, Jami'ah Shukri dan Rohaniza Idris

IPOH, Selasa – Kerajaan akan memastikan majikan yang terbabit mendera pekerja asing membayar pampasan sewajarnya terhadap mangsa berkeenaan, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, ini kerana pekerja asing termasuk pembantu rumah, dilindungi mengikut Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1996.

Mengikut pindaan Akta Pampasan Pekerja 1952 yang dibentangkan di Parlimen pada 1996, majikan diwajibkan melindungi pekerja asing dengan polisi insurans pampasan pekerja.

Majikan yang gagal berbuat demikian boleh didenda RM5,000 mengikut Seksyen 23 (2) akta berkenaan.

Terdahulu, Dr Fong melancarkan bulan kualiti dan pe-

rasmian kilang tambahan APM Holdings Bhd di Jelapang di sini, hari ini, sebelum melawat mangsa dera, Kusiah Manijan, 32, di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Ipoh (HI).

Pembantu rumah warga Indonesia itu dimasukkan ke HI pagi semalam dalam keadaan tidak sedarkan diri akibat parah di kepala dipercayai dera majikannya, seorang suri

rumah berusia 44 tahun. Keadaan mangsa kini bagaimanapun stabil dan dilaporkan mula sedar.

Mangsa dari Jakarta Barat dihantar ke HI oleh suami majikannya kira-kira jam 5.20 pagi. Polis yang menjalankan siasatan di rumah majikannya, menemui seketul batu sebesar dua penumbuk dipercayai digunakan untuk memukul mangsa.

B/H C 16 / 7 / 2000

Majikannya direman tengah hari semalam selepas diserahkan suaminya yang juga seorang peniaga, di balai polis. Polis menyiasat kes itu mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan kerana menyebabkan kecederaan serius.

Bercakap kepada pemberita, Dr Fong berkata, pegawainya

LIHAT MUKA 6

# Penderaan sampai tahap serius

*Sumber dari m.s. 6*

## DARI MUKA 1

juga diarah menyiasat sama ada majikan terbabit sudah membayar gaji Kusiah.

“Jika siasatan mendapati majikannya belum membayar gaji, kita akan arahkan dia berbuat demikian,” katanya sambil menyifatkan kes penderaan pembantu rumah kini sudah mencapai tahap serius.

Ini adalah kes penderaan kelima dalam tempoh kira-kira dua bulan membabitkan pembantu rumah asing.

Pada 19 Disember lalu, seorang pembantu rumah Nurjanah Matyak, 40, dilaporkan cedera teruk akibat didera majikannya di Petaling Jaya, dipercayai dipukul dengan rotan di kepala dan muka.

Berikutan pendedahan mengenai kes Nurjanah, beberapa lagi pembantu rumah membuat laporan didera majikan,

termasuk di Kuching, Sarawak dan Pulau Pinang.

Katanya, kerajaan bercadang melaksanakan program khas bagi memupuk sikap prihatin majikan terhadap pekerja asing, khususnya pembantu rumah.

“Walaupun secara amnya kebajikan pekerja asing bukan terletak di bawah kementeriannya, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk merangka program itu,” katanya.

Menurutnya, perbuatan kejam dan tidak berperikemanusiaan majikan, khususnya yang menggaji pembantu rumah asing, tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh mencemarkan imej negara.

“Kita merayu majikan supaya menghormati pembantu rumah sebagai manusia. Selain bekerja, mereka juga mampu

nyai perasaan,” katanya yang sempat berbual pendek dengan mangsa yang kini dalam keadaan separuh sedar.

Di **KUALA LUMPUR**, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kementeriannya bersedia menempatkan mangsa dera di institusi kebajikan di seluruh negara sementara menunggu hasil siasatan polis dan perbicaraan di mahkamah.

Pada sidang akhbar petang ini, beliau berkata, mangsa juga akan diberi sesi kaunseling supaya tidak merasa tertekan.

“Kini, kementerian mempunyai 51 institusi kebajikan serta lebih 173 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bersedia memberi perlindungan kepada golongan sasaran termasuk mangsa dera.

“Kementerian juga menyediakan talian bebas tol 1-800-88-3040 yang beroperasi 24-jam bagi membolehkan orang ramai atau mangsa dera membuat aduan.

“Setakat ini, kementerian hanya mampu memberi bantuan dalam bentuk sedemikian kerana masalah penderaan pembantu rumah asing bukan di bawah bidang kuasa kementerian ini,” katanya.

Dr Siti Zaharah bagaimanapun berkata, kementerian akan berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen dan agensi pembantu rumah tidak lama lagi bagi mencari jalan penyelesaian untuk menangani isu itu.

Katanya, kementerian melalui bantuan sekretariat Pelan Tindakan Sosial Negara (Pintas) juga akan mencari formula bagi mengesan punca penderaan di kalangan pembantu rumah.